

AXCEL UREA CREAM

Urea (10% w/w)

Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Urea Cream.
2. Bagaimana Axcel Urea Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Urea Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Urea Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Urea Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Urea Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Axcel Urea Cream

Axcel Urea Cream digunakan pada masalah kulit *ichthyosis* dan *hyperkeratotic* (keadaan kulit kering, bersisik dan gatal) seperti:

- Iritasi dermatitis sentuhan (keradangan kulit suri rumah) yang melibatkan bahan pencuci, syampu, sabun yang beralkali tinggi atau bahan kimia.
- Alergi ekzema.
- Ekzema bayi
- Kulit gatal dan merekah semasa musim sejuk.

Bagaimana Axcel Urea Cream berfungsi

Urea mempunyai ciri-ciri anestetik, membunuh bakteria dan pengelupasan. Ciri-ciri ini mungkin disebabkan oleh kesan hidrasi.

Sebelum menggunakan Axcel Urea Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Urea Cream jika:

- Anda menggunakannya pada kulit yang meradang atau luka meleleh.

- Sebelum mula menggunakan

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi terhadap ubat-ubatan.

Jika situasi di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor yang akan menentukan apa yang perlu dilakukan.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain. Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk menggunakan Axcel Urea Cream dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Urea Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Krim ini bertujuan bagi penggunaan luaran sahaja.

- Digunakan pada bahagian yang terlibat apabila diperlukan.

- Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengguna Axcel Urea Cream mengikut jenis keadaan anda.

- Berapa lama perlu digunakan

- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu menggunakan ubat anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa untuk menggunakan krim anda pada sesetengah masa, gunakan krim anda dengan segera. Abaikan penggunaan yang terlupa sekiranya masa untuk penggunaan yang seterusnya telah hampir.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jangan risau jika terguna krim berlebihan. Jika anda menggunakan dengan banyak atau tertelan dengan banyak secara tidak sengaja, ia boleh membuatkan anda sakit. Walau bagaimanapun, pengambilan Axcel Urea Cream secara tidak sengaja boleh menyebabkan kerengsaan pada lapisan gastrik. Mual dan muntah mungkin berlaku. Anda boleh maklumkan doktor anda atau pergi hospital dengan segera.

Semasa menggunakan Axcel Urea Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang patut dan tidak patut anda

lakukan semasa menggunakan krim ini.

- Maklumkan kepada doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil atau menggunakan ubatan lain.
- Guna Axcel Urea Cream mengikut cara dan tempoh yang disarankan.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan gunakan Axcel Urea Cream melebihi kekerapan yang disarankan dalam satu hari.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Tidak boleh diambil secara oral.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Urea Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan yang telah dilaporkan:

- Rasa pedih
- Rasa menyengat

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Urea Cream

- Penyimpanan

Jauhkan Axcel Urea Cream daripada jangkauan kanak-kanak.

Simpan krim anda di bawah 25°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya

- Pelupusan

Jangan guna Axcel Urea Cream yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

AXCEL UREA CREAM

Urea (10% w/w)

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Axcel Urea Cream ialah krim berwarna putih dan larut air.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Urea

- Bahan Tidak Aktif:

Dehydag wax "0", emulgin B1, liquid paraffin, white soft paraffin, chlorocresol, sodium dihydrogen phosphate, perfume fragrance, purified water.

- Nombor MAL

MAL19972556X

Pengilangan dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/01/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)071117/00305